

“Menjadi seorang Somalia bermaksud menjadi seorang Muslim”



Di antara orang-orang Somalia, adalah menjadi

kebiasaan berpegang kepada idea bahawa “ Semua orang Somalia adalah orang Muslim dan sekiranya terdapat orang Somalia yang mengatakan bahawa mereka bukan orang Muslim, mereka hanya diupah untuk melakukan demikian.” Bahkan sesetengah orang Somalia yang tidak sungguh-sungguh dalam agama mereka akan mengaku kesetiaan mereka kepada Islam. Walaupun jumlah orang muda Somalia yang dilatih di dalam ajaran Islam semakin bertambah, benteng utama untuk mempercayai Berita Baik di antara orang-orang Somalia bukanlah benteng teologia

tetapi lebih kepada pandangan masyarakat yang mengatakan, “ Menjadi seorang Somalia adalah menjadi seorang Muslim”. Ramai orang di kebanyakan negara mempunyai idea dan sikap yang serupa.

Mempersoalkan:

Sebaliknya, dengan semua persaingan dan pembunuhan yang sedang berlaku di antara puak-puak orang-orang Somalia dalam tahun-tahun yang terdekat ini telah membawa kepada persoalan mengenai Islam. Sesetengah mengatakan, “Mengapakah Islam tidak menghalang kita



daripada saling membunuh?” Orang-orang Somalia lain yang pernah tinggal di dalam masyarakat Muslim seperti Arab Saudi atau daerah Teluk Parsi telah mengalami penindasan yang membuatkan mereka lebih terbuka kepada Injil. Pada masa yang sama, orang-orang Somalia yang nominal di dalam agama Islam di Somalia (di mana kesemua mereka adalah ‘orang Muslim’) selalunya akan lebih serius dengan identiti dan amalan Islam mereka apabila mereka datang ke negara Barat. Mereka melakukan sedemikian kerana takut akan kehilangan

identiti dan dicemari oleh aspek jahat masyarakat Barat.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah agar orang-orang Somalia akan melihat nilai benar kerajaan Tuhan (Matius 13:44-46). Pengampunan Tuhan dan kehidupan yang berkelimpahan di dalam Mesias adalah kenyataan kerajaanNya yang dapat dinikmati sekarang.*

- *Berdoa agar orang-orang Somalia yang telah menerima Mesias tidak akan dilihat sebagai pembelot oleh keluarga mereka. Semoga mereka mempunyai peluang untuk menunjukkan bahawa secara mereka masih dapat kekalkan kebudayaan orang Somalia dan juga menjadi pengikut Yesus pada masa yang sama.*



Kesaksian dari Somalia

Libaan meluangkan beberapa tahun di luar Somalia di beberapa negara. Akhirnya, dia menerima sebahagian Injil. Dia berasa kagum dengan apa yang dibacanya: Teks itu indah sekali, dengan pesanan yang dalam. Setelah dua tahun, dia sungguh-sungguh mempercayai pesanan itu dan mempercayakan hidupnya kepada Isa Al Masih (Yesus Mesias). Setelah itu, dia mengalami sukacita dan kedamaian mengenai masa depannya. Pengampunan Tuhan memenuhinya dengan harapan! Saudara-saudara

Libaan telah mendengar bahawa dia telah menjadi seorang Gal (perkataan Somalia yang bermaksud kafir). Ramai orang Somalia tidak dapat membayangkan bahawa orang-orang Kristian juga merupakan orang yang takut akan Tuhan kerana mereka menganggap orang-orang Kristian hidup dengan cara duniawi (termasuklah kemabukan dan perzinahan). Apabila Libaan kembali kepada keluarganya, dia mendesak agar dia tidak dipanggil sebagai seorang Gal. Dalam pandangannya, dia patuh kepada Tuhan yang Maha Agung. Keluarganya

menerima dia dengan baik pada permulaannya tetapi kemudiannya menolak dia. Pengalaman ini menghancurkan hatinya. Bilangan orang-orang Somalia yang percaya hanya kecil, dan mereka mengalami kesunyian dan tertolak bahkan oleh ahli keluarga mereka yang tercinta. Hanya dorongan dan kesenangan dari Tuhan sahaja yang menolong mereka untuk mengatasinya.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

